

Headline	Semai jiwa cintai integrasi kalangan siswazah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2011	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,120



Semai jiwa cintai integrasi kalangan siswazah

TANJUNG MANIS, Rabu — Seramai 175 pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menghadiri program Intergrasi Nasional Pertukaran Budaya 1 Malaysia, di daerah kecil Belawai, di sini, semalam.

Program dianjurkan bersama UiTM Sarawak dan UiTM Sabah itu, merupakan siri ketiga selepas pengolaan pertama di Johor dan kedua di Sabah.

Pemilihan Tanjung Manis dibuat berikutan potensi besar kawasan berkenaan sebagai pusat SCORE dan Halal Hab.

Sehubungan itu, Timbalan Rek Hep Uitm Sarawak, Wan Akil Tunku Abdullah berkata, selain UiTM, program berkenaan turut melibatkan penyertaan UPM Bintulu, Uni Razak dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Kita mahu mendedahkan pelajar tentang SCORE dan Halal Hab. Selain itu, ia merupakan peluang keemasan kepada mereka untuk mengenali kebudayaan dan adat resam masyarakat setempat,” katanya.

Hadir sama, Pegawai Tadbir Daerah

Kecil Belawai, Abang Muhamad Abang Turkey, wakil Menteri Muda Alam Sekitar dan pemimpin masyarakat tempatan.

Dalam pada itu Akil memberitahu, UiTM turut memberi penekanan khusus terhadap usaha memupuk konsep integrasi nasional di kalangan siswazahnya.

Ujarnya, usaha berkenaan mampu memantapkan jati diri mereka sebagai rakyat Malaysia selain sebagai persediaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat pada suatu hari kelak.

Beliau menarik perhatian, program selama tujuh hari yang bermula semalam itu merupakan sebahagian daripada usaha tersebut.

“Ia memberi pendedahan dan kefahaman yang melibatkan kepelbagaian kebudayaan dan adat resam yang perlu dihormati,” katanya.

Dalam pada itu kata Akil program seumpama itu merupakan asas menjadi siswa berkualiti dengan memiliki ciri-ciri positif sesuai dengan kerjaya mereka.

Headline	Semai jiwa cintai integrasi kalangan siswazah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Nov 2011	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,373
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,120



TIMBA PENGALAMAN Peserta PINPB1M mengabdikan kenangan di Terminal Ekspres Tanjung Manis.